



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Minda Pengarang

Siap sedia hadapi bah besar

Amaran Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bahawa gelombang kedua banjir dijangka berlaku pada 25 dan 26 Disember ini dalam skala sama atau melebihi gelombang pertama, perlu diambil berat oleh penduduk setempat di Pantai Timur.

Keadaan diburukkan lagi dengan jangkakan bertembung pada waktu sama air pasang besar di laut perairan Kelantan. Diharapkan banjir besar melanda seperti pada 2014 tidak berulang, yang meninggalkan memori cukup terkesan buat penduduk di Kelantan dan Terengganu.

Apa yang penting sekarang ini ialah buat persiapan awal dan semua agensi kerajaan yang terbabit, hendaklah membuat persediaan seperti menyediakan bot dan pusat penempatan berskala besar yang mencukupi serta bantuan kecemasan.

Penerangan secukupnya juga perlu disampaikan kepada penduduk di kawasan sekitar berisiko banjir dan pastikan mereka berpindah jika diminta berbuat demikian dengan secepat mungkin demi keselamatan diri.